

SOALAN LAZIM

SANDBOX INOVASI DAN TEKNOLOGI NASIONAL (NTIS)

1.	Apakah Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS)? Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) adalah kemudahan yang membolehkan penyelidik, penginovasi, syarikat pemula dan usahawan berteknologi tinggi untuk menguji produk, perkhidmatan, model perniagaan dan mekanisme penyampaian dalam persekitaran secara langsung.
2.	Apakah tujuan NTIS? <ul style="list-style-type: none">i. Untuk memacu perkembangan bakat agar negara mencapai potensi untuk menjadi negara berteknologi tinggiii. Untuk meningkatkan produktiviti sektor melalui penggunaan teknologi termaju.iii. Untuk mempercepatkan proses R&D dan pengkomersialan dengan kerjasama pihak pengawal selia dalam melonggarkan undang-undang dan peraturan bagi persekitaran pengujian terkawal.iv. Untuk meningkatkan platform infrastruktur digital dan teknologi di Malaysia.v. Meningkatkan kadar pengkomersialan dan inovasi.
3.	Bilakah permohonan akan dibuka untuk Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional? Permohonan dibuka pada 15 Julai 2020.
4.	Siapakah pengawal selia NTIS yang dimaksudkan? Jabatan atau agensi Kerajaan yang menyelia peraturan dan undang-undang yang mengawal selia industri berkaitan.
5.	Siapakah agensi pelaksana NTIS? Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerajui NTIS dengan sokongan Sekretariat NTIS yang terdiri daripada MRANTI, MIMOS dan Futurise dalam menyelaraskan dan memudah cara pelaksanaannya.
6.	Bagaimana untuk menjadi rakan kongsi kepada NTIS? Kami mengalu-alukan lebih ramai rakan kongsi untuk bekerjasama sebagai pakar teknologi dan industri, pelabur, penyedia kemudahan fasiliti dan program. Sila emel kepada ntis.enquiries@sandbox.gov.my / partnership@sandbox.gov.my
7.	Siapa boleh memohon NTIS? Rakyat Malaysia atau syarikat milik Malaysia. Pemohon utama mestilah merupakan rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan menetap di negara ini.
8.	Bagaimanakah saya boleh memohon untuk Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional? Permohonan dibuka sepanjang tahun. Borang dalam talian boleh didapati di www.sandbox.gov.my .

9.	<p>Adakah prototaip diperlukan?</p> <p>Penyelesaian pemohon NTIS mesti berada pada Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL) 6. TRL adalah kaedah untuk menentukan kematangan teknologi ketika fasa pemerolehan program yang dibangunkan oleh pihak NASA.</p>
10.	<p>Bagaimanakah NTIS akan memastikan bahawa idea yang dikemukakan oleh pemohon tidak dikongsi, dijual atau dicuri?</p> <p>Hanya konsep tahap tinggi diperlukan bagi proses permohonan awal. Idea yang dikemukakan akan menerima emel perakuan daripada pihak sekretariat dan merupakan konsep tahap tinggi. Borang permohonan yang diterima akan disimpan secara sulit dan hanya boleh diakses oleh pihak urus setia sahaja.</p>
11.	<p>Adakah terdapat had kepada bilangan permohonan yang boleh dihantar oleh setiap pemohon?</p> <p>Tiada had kepada bilangan permohonan tetapi semua pemohon digalakkan untuk memohon mengikut keutamaan.</p>
12.	<p>Adakah terdapat yuran permohonan?</p> <p>Tiada sebarang yuran permohonan yang dikenakan.</p>
13.	<p>Apakah bidang teknologi yang diterima untuk NTIS?</p> <p>NTIS terbuka untuk semua jenis teknologi dengan keutamaan diberikan kepada teknologi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Teknologi Biosains ii. Teknologi Blok Rantai iii. Keselamatan Siber dan Enkripsi iv. Percetakan 4D/5D v. Sistem Pintar Termaju vi. Bahan Termaju vii. Analitik Terimbuh & Penemuan Data viii. Teknologi Sensor ix. Teknologi Neuro <p>NTIS boleh mempertimbangkan teknologi asing dengan syarat penyelesaian dimiliki oleh syarikat pemilikan yang majoriti rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, penyelesaian ini tidak layak untuk pembiayaan di bawah MTDC.</p>
14.	<p>Apakah Keberhasilan NTIS?</p> <p>Menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan kerajaan di peringkat tempatan, Persekutuan dan nasional seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing. ii. Meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. iii. Meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) / Keluaran Negara Kasar (KNK). iv. Meningkatkan penglibatan, pelaburan dan kolaborasi dalam penyelidikan oleh sektor swasta. v. Meningkatkan kadar pengkomersialan dan inovasi.

15.	<p>Apakah Peranan MTDC dalam Program NTIS?</p> <p>Penglibatan MTDC adalah bertujuan untuk membiaya produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D atau inovasi tempatan yang berkaitan dari peringkat prototaip ke peringkat pengkomersialan yang telah layak untuk program National Technology & Innovation Sandbox. Pembiayaan ini adalah untuk memberikan akses kewangan kepada syarikat-syarikat PKS/startup untuk membangunkan dan menjalankan proses pengesahan (validation process) ataupun pengkomersialan produk/teknologi/perkhidmatan hasil R&D atau inovasi dalam persekitaran yang terkawal (sandbox). Selain itu, MTDC juga bertanggungjawab untuk memantau penggunaan dana yang diluluskan.</p>
16.	<p>Apakah jenis-jenis dana yang ditawarkan oleh MTDC melalui program NTIS?</p> <p>Terdapat empat jenis dana yang ditawarkan oleh MTDC melalui program NTIS iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dana Sandbox 1 (Sandbox Satu Tapak); ii. Dana Sandbox 2 (Sandbox Pelbagai Tapak); iii. Dana Sandbox 3 (Sandbox Pengkomersialan); dan iv. Dana Sandbox 4 (Sandbox Korporat).
17.	<p>Adakah projek akan dibiayai sepenuhnya Dana Sandbox?</p> <p>Bagi Dana Sandbox 1, pembiayaan adalah secara 100 peratus daripada kos yang layak dibiaya* dengan kuantum maksimum yang telah ditetapkan.</p> <p>Bagi Dana Sandbox 3 & 4, pembiayaan adalah secara 70 peratus daripada kos yang layak dibiaya* dengan kuantum maksimum yang telah ditetapkan.</p> <p>Kos yang layak dibiaya termasuk, tetapi tidak terhad kepada senarai berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kos Perlesenan Teknologi/Yuran Khidmat Nasihat; ii. Pembelian Mesin & Peralatan (Dana Sandbox 3 & 4 sahaja); iii. Kos Pendaftaran Produk/Kawal selianan Produk; iv. Kos Pembuatan; v. Pendaftaran Harta Intelekt; vi. Aktiviti Pengesahan Teknologi dan Pasaran; vii. Kos Pemasaran dan Promosi (Dana Sandbox 3 & 4 sahaja); dan viii. Kos Operasi.
18.	<p>Siapakah yang layak mendapat pembiayaan di bawah program ini?</p> <p>Mana-mana syarikat yang berdaftar di Malaysia di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, kecuali perniagaan milikan tunggal. Kelayakan bagi setiap dana tertakluk kepada syarat dan kriteria tambahan yang telah ditetapkan bagi dana tersebut.</p>

19.	<p>Apakah bentuk pembiayaan yang disediakan oleh MTDC di dalam program National and Technology Innovation Sandbox ini - Geran, Pinjaman atau Ekuiti?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bagi Dana Sandbox 1 dan 2 pembiayaan adalah dalam bentuk geran. ii. Bagi Dana Sandbox 3, pembiayaan adalah dalam bentuk geran dan Nota Janji Tukar Hutang. iii. Bagi Dana Sandbox 4, mekanisme pembiayaan akan ditentukan berdasarkan persetujuan bersama di antara MTDC dan bakal pelabur tersebut.
20.	<p>Berapakah kuantum pembiayaan Dana Sandbox?</p> <p>Kuantum pembiayaan antara RM250,000 ke RM5 juta bergantung kepada skim dana yang ditawarkan.</p>
21.	<p>Bagaimanakah cara pembayaran Dana Sandbox akan dibuat?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bagi Dana Sandbox 1 & 2, pembayaran dana akan dibuat mengikut penjadualan batu tanda. ii. Manakala bagi Dana Sandbox 3, pembayaran dana akan dibuat berdasarkan pembayaran sepadan, bergantung kepada permohonan syarikat.
22.	<p>Apakah kriteria asas untuk layak memohon pembiayaan di bawah program NTIS?</p> <p>Pemohon berjaya terpilih menyertai program NTIS. Pemohon hendaklah syarikat yang berdaftar di Malaysia di mana sekurang-kurangnya 51% adalah hak milik warganegara Malaysia dan berpangkalan di Malaysia.</p>
23.	<p>Apakah proses permohonan Dana Sandbox?</p> <p>Permohon yang berminat untuk menyertai Program NTIS perlu memohon untuk program tersebut melalui laman sesawang www.sandbox.gov.my.</p> <p>Setelah permohonan syarikat diluluskan oleh Sekretariat NTIS, pihak Sekretariat NTIS akan memaklumkan MTDC dan pegawai MTDC akan menghubungi syarikat yang berjaya untuk langkah permohonan dana selanjutnya.</p>
24.	<p>Berapa lamakah tempoh pembiayaan Dana Sandbox?</p> <p>Tempoh pembiayaan Dana Sandbox adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dana Sandbox 1: 6 bulan ii. Dana Sandbox 2: 6 bulan iii. Dana Sandbox 3: 18 bulan iv. Dana Sandbox 4: Di antara 6 hingga 18 bulan bergantung kepada keperluan projek
25.	<p>Bagaimanakah saya dapat menghubungi pihak Dana Sandbox?</p> <p>Anda boleh menghantar e-mel kepada sandbox@mtdc.com.my</p>